



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	30/1/2013

'Tak senang ahli kerjasama dengan UMNO'

Kuala Lumpur: Tindakan Nasharuddin Mat Isa menyertai rombongan Datuk Seri Najib Razak ke Gaza walaupun berlainan fahaman politik, menunjukkan model kesatuan umat di negara ini untuk mendorong kerjasama antara Hamas dan Fatah.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata PAS bagaimanapun lebih mengutamakan politik dan tidak menyenangi ahlinya bekerjasama dengan UMNO, sekali gus dilihat menjadi faktor pengguguran Nasharuddin daripada Majlis Syura Ulama.

"Dia (Nasharuddin) pergi dengan Datuk Seri Najib (ke Gaza)... ini menunjukkan bahawa kita di Malaysia walaupun ada pembangkang, tetapi kita bekerjasama. Kita nak tunjukkan model supaya Hamas dan Fatah bekerjasama.

Model kepada dunia

"Jika tidak, Datuk Seri Najib pergi suruh orang berdamai dan bersatu tapi mereka kata: di negara anda pun tidak boleh bersatu, nak ajak orang bersatu macam mana.

"Begitulah... dia tidak ada niat lain," katanya sambil berpendapat terpulang kepada Nasharuddin untuk membuat keputusan sama ada mengubah platform perjuangannya dengan keluar daripada PAS.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan buku Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA) bertajuk 'Strength In Collaboration'



Mahathir, Charasathien (tengah) dan Nor Mohamed melihat buku 'Strength In Collaboration' selepas merasmikan buku Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand di Kuala Lumpur; semalam.

(FOTO YAZIT RAZAL/BH)

sempena 20 tahun pembentukan MTJA sejak 1992 di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yacop dan Timbalan Menteri Pertanian dan Koperasi Thailand, Yutpong Charasathien.

Akhbar semalam melaporkan, Najib dipetik sebagai berkata, PAS sepatutnya menghargai lawatan Nasharuddin ke Gaza kerana ia untuk kepentingan umat Islam atas pendiriannya berjuang tanpa menidakkan mana-mana parti politik.

Sementara itu, dalam uca-

panya, Dr Mahathir berkata, kejayaan Malaysia dan Thailand menyelesaikan tuntutan bertindih melalui kerjasama, wajar menjadi model kepada dunia untuk menangani konflik sama.

Penyelesaian secara aman

Katanya, jalan penyelesaian secara aman adalah penting, sama ada menerusi rundingan, penggunaan orang tengah atau membawa kes itu ke mahkamah antarabangsa, bagi mengelakkan pertumpahan darah dan kemusnahan akibat perang.

"Adalah tidak berbaloi un-

tuk saling berbunuhan dan membawa kehancuran dalam peperangan semata-mata kerana perebutan dalam tuntutan bertindih. Sebaliknya, penyelesaian secara aman akan memanfaatkan kedua-dua pihak tanpa rakyat perlu terkorban," katanya.

Dalam konteks berkaitan, Dr Mahathir berpendapat hakim mahkamah antarabangsa tidak mendapat maklumat mencukupi apabila membuat keputusan menyerahkan Pulau Batu Putih kepada Singapura dalam kes pertindihan tuntutan antara republik itu dan Malaysia sebelum ini.